



●CIUMAN penuh hormat kepada seorang tokoh negarawan yang terpaksa meninggalkan jawatan akibat kesihatan, dari salah seorang perwakilan di akhir Perhimpunan Agung UMNO semalam.

Datuk Hussein menerima ciuman hormat dengan riang dan puas hati diperhatikan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah. — Gambar Berita Harian.

Musa berikrar akan patuhi arahan Dr.M

KUALA LUMPUR, Ahad.

TIMBALAN Presiden UMNO yang baru, Datuk Musa Hitam berikrar akan mematuhi apa sahaja arahan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Berucap di akhir Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung selama tiga hari di Hotel Hilton di sini hari ini, beliau menegaskan bahawa keinsafannya atas cabaran besar yang perlu dilalui ketika memegang jawatan Timbalan Presiden.

"Saya menginsafi jawatan yang saya pegang sekarang adalah penuh dengan tanggungjawab dan perlu pengorbanan demi kepentingan parti, agama, bangsa dan negara.

"Saya juga insaf kemenangan yang saya perolehi bukan merupakan satu kejayaan dan kebanggaan tetapi merupakan satu tanggungjawab yang besar," tegas beliau lagi.

Pergeseran

Datuk Musa juga mengakui kelemahannya sebagai manusia biasa dan katanya "saya memerlukan tunjukajar dari seluruh anggota-anggota parti bagi melancarkan tanggungjawab dan tugas yang akan dilaluinya."

Beliau menyatakan pergeseran dan salah faham yang berlaku semasa kempen mencari pengaruh mestilah

dilupakan demi perpaduan parti.

Katanya, perkara tersebut mesti ditutup rapi bagi memastikan parti tidak berpecah terus bersatu padu.

"Proses pemilihan yang kita lalui dahulu merupakan amalan parti yang tidak dapat dipisahkan oleh ahli-ahli UMNO sendiri."

Amalan

"Kita perlukan bermaaf-maafan antara satu dengan lain untuk melupakan segala yang berlaku semasa kempen dulu," tambahnya lagi.

Datuk Musa mengangap Tengku Razaleigh sebagai sahabat karibnya dan sama-sama besar dalam politik

UMNO.

Katanya, "Tengku Razaleigh memang sahabat rapat saya dan beliau memanglah seorang ahli parti yang berkecimpung lebih lama sedikit dari saya.

Datuk Musa juga mengucapkan terima kasih pada Datuk Hussein Onn kerana membimbing beliau dalam arena politik.

"Saya mengucapkan tahniah dan selamat bersara kepada Datuk Hussein dan semoga Allah memberi rahmat dan hidayat kepadanya. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Presiden UMNO yang baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed kerana dipilih memegang jawatan tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia